

**ENERGY MANAGEMENT POLICY**

**1.0 Introduction**

In line with the Government's commitment to improve energy performance, enhance energy conservation and reduce energy waste, Westports is dedicated to embedding sustainability through effective energy management and use of energy-efficient practices into its business strategy, processes and operations. In support of Malaysia's aspiration to achieve carbon neutrality by 2050, we are committed to continually improving energy performance and the effectiveness of the energy management system, and enhancing our sustainability performance to achieve our strategic goals.

**2.0 Declaration of Commitments**

Westports is committed to supporting, promoting, and implementing energy management and conservation initiatives in accordance with applicable laws, regulatory requirements, and other relevant requirements.

**3.0 Energy Management Policy Statements**

This policy aims to establish and maintain an Energy Management System ("EnMS") that serves as a framework to ensure energy efficiency, conservation, and sustainability are integrated into our business decisions, operational activities, and corporate culture.

Westports is committed to:

- Continual improvement of energy performance and the EnMS.
- Promoting efficient energy management.
- Promoting the reduction of our carbon footprint and carbon intensity.
- Encouraging design and innovation in energy performance improvement through green technology and sustainable practices.
- Promoting green procurement initiatives and prioritising energy-efficient products and services.
- Allocating resources and ensuring the availability of information necessary to achieve energy efficiency objectives and targets.

**WESTPORTS HOLDINGS BERHAD**  
**(Registration No. 199301008024 (262761-A))**

#### **4.0 Objectives**

Westports adopts a structured framework to ensure the effective and systematic management of energy use across the organisation, to improve energy efficiency, optimise energy consumption, and manage operational energy costs.

This framework provides a consistent basis for planning, implementing, monitoring, and continually improving energy performance across operations. The objectives are as follows:

- To establish and maintain an EnMS.
- To conduct training and awareness programmes to foster a culture of energy conservation.
- To promote energy efficiency and reduce our energy intensity.
- To reduce carbon intensity through efficient energy management.
- To incorporate the use of renewable energy sources.
- To comply with applicable laws, regulatory requirements, and other relevant requirements.
- To integrate green initiatives into our procurement practices and foster relationships with energy-efficient suppliers and vendors.

#### **5.0 Implementation**

An Energy Management Committee shall be established and will convene meetings for a minimum of four (4) times a year in accordance with its Terms of Reference.

#### **6.0 Review and Revision**

This Energy Management Policy shall be reviewed periodically to ensure its continued effectiveness, relevance, and alignment with our business strategy, international standards, local laws, and regulatory requirements. We will implement the necessary changes to reflect evolving best practices and prevailing regulations.

The Board of Directors approved this Policy on 29<sup>th</sup> January 2026.

## **DASAR PENGURUSAN TENAGA**

### **1.0 Pengenalan**

Sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan prestasi tenaga, memperkukuhkan usaha penjimatan tenaga serta mengurangkan pembaziran tenaga, Westports komited untuk mengintegrasikan elemen kelestarian melalui pengurusan tenaga yang berkesan serta amalan penggunaan tenaga yang cekap dalam strategi perniagaan, proses dan operasi syarikat. Sebagai sokongan kepada aspirasi Malaysia untuk mencapai neutraliti karbon menjelang tahun 2050, kami komited untuk terus meningkatkan prestasi tenaga dan keberkesanan Sistem Pengurusan Tenaga (*Energy Management System – EnMS*), di samping memperkukuhkan prestasi kelestarian bagi mencapai matlamat strategik syarikat.

### **2.0 Pengisytiharan Komitmen**

Westports komited untuk menyokong, mempromosi dan melaksanakan inisiatif pengurusan tenaga serta pemuliharaan tenaga selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, keperluan peraturan serta keperluan lain yang berkaitan.

### **3.0 Pernyataan Dasar Pengurusan Tenaga**

Dasar ini bertujuan untuk mewujudkan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS) sebagai satu kerangka kerja yang memastikan kecekapan tenaga, pemuliharaan tenaga dan kelestarian diintegrasikan dalam setiap keputusan perniagaan, aktiviti operasi dan budaya korporat syarikat.

Westports komited untuk:

- Melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap prestasi tenaga dan keberkesanan EnMS.
- Menggalakkan amalan pengurusan tenaga yang cekap dan berkesan di seluruh organisasi.
- Mempromosi pengurangan jejak karbon dan intensiti karbon melalui penggunaan tenaga yang lebih cekap.
- Menggalakkan reka bentuk, inovasi dan penggunaan teknologi hijau bagi meningkatkan prestasi tenaga dan amalan kelestarian.

**WESTPORTS HOLDINGS BERHAD**  
**(Registration No. 199301008024 (262761-A))**

- Mempromosi perolehan hijau dengan memberi keutamaan kepada produk dan perkhidmatan yang cekap tenaga.
- Menyediakan sumber yang mencukupi serta memastikan ketersediaan maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif dan sasaran kecekapan tenaga.

#### **4.0 Objektif**

Westports mengamalkan pendekatan berstruktur bagi memastikan pengurusan penggunaan tenaga dilaksanakan secara sistematik dan berkesan di seluruh organisasi, dengan tujuan meningkatkan kecekapan tenaga, mengoptimumkan penggunaan tenaga serta mengurus kos tenaga operasi.

Kerangka kerja ini menyediakan asas yang konsisten untuk merancang, melaksanakan, memantau dan menambah baik prestasi tenaga secara berterusan dalam operasi syarikat.

Objektif dasar ini adalah seperti berikut:

- Mewujudkan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Tenaga (*EnMS*).
- Melaksanakan latihan dan program kesedaran bagi memupuk budaya penjimatan tenaga dalam kalangan warga kerja.
- Menggalakkan kecekapan tenaga dan pengurangan intensiti tenaga.
- Mengurangkan intensiti karbon melalui pengurusan tenaga yang cekap.
- Menggalakkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui.
- Memastikan pematuhan kepada undang-undang, keperluan peraturan serta keperluan lain yang berkaitan.
- Mengintegrasikan inisiatif hijau dalam amalan perolehan serta menggalakkan kerjasama dengan pembekal dan vendor yang mengutamakan kecekapan tenaga.

#### **5.0 Pelaksanaan**

Sebuah Jawatankuasa Pengurusan Tenaga (*Energy Management Committee – EMC*) akan ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan inisiatif pengurusan tenaga dan akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, selaras dengan Terma Rujukan (*Terms of Reference – TOR*) yang telah ditetapkan.

**WESTPORTS HOLDINGS BERHAD**  
**(Registration No. 199301008024 (262761-A))**

**6.0 Semakan dan Penambahbaikan**

Dasar Pengurusan Tenaga ini akan disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanan, kesesuaian serta keselarasan yang berterusan dengan strategi perniagaan syarikat, piawaian antarabangsa, undang-undang tempatan dan keperluan peraturan yang berkaitan.

Westports akan melaksanakan sebarang penambahbaikan yang perlu bagi memastikan dasar ini sentiasa mencerminkan amalan terbaik serta keperluan perundangan semasa.

Dasar ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Januari 2026.